



# rendev ZOUS

## Kiriman Ulasan

Bicara Filem  
Jurnal Sinema Rabu

Ulasan Filem  
(apa kata  
mereka?)

## Diskusi & Wacana Filem

3 Filem  
menarik dari 3  
buah negara



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Kolej  
Pengajian Seni Kreatif



04

BIL. 4  
OKTOBER 2025

# BULETIN SINEMA RABU@CMTHub

SESI TAYANGAN DAN DISKUSI DWI-MINGGUAN

---

# SIDANG REDAKSI

## Penasihat

PROF MADYA TS. DR. WAN AIDA WAN YAHAYA  
DR. SYAHRUL FITHRI MUSA

## Kurator

DR. NORMAN YUSOFF

## Editor

PROF MADYA TS. DR. WAN AIDA WAN YAHAYA  
DR. SYAHRUL FITHRI MUSA

## Editor Bersekutu

MOHD KAMIL HJ MOHAMED NOR  
NARIZA VERSAY KUDUS  
NUR HIDAYAH REFINGI  
NURUL ANIS EZZAH ABDUL JALIN

## Pereka Grafik

MOHD SHARIMAN MAT SOPARI

## Fotografi

NURUL ANIS EZZAH ABDUL JALIN  
IMAN NUR AINI NORHAFSYAM  
AINURFITRIA OMAR  
NUR ADILA HANANI AZMAN  
SITI NURUL NAJWA SHAHIDAN

## Teknikal & Pentadbiran

MUHAMMAD HAFIDZ ZAINUDDIN  
MUHAMMAD ADAM HAIKAL MOHD AZLAN  
SITI NURUL NAJWA SHAHIDAN  
AINURFITRIA OMAR  
IMAN NUR AINI NORHAFSYAM

eISSN : 3030-5888

Hak cipta terpelihara diterbitkan oleh Hab Media, Kreatif & Teknologi, Universiti Teknologi MARA. Tidak dibenarkan mencetak semula mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis dari penerbit.

HAB MEDIA KREATIF DAN TEKNOLOGI (CMTHub),  
KOLEJ PENGAJIAN SENI KREATIF,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR.

eBuletin diterbitkan secara kekerapan bulanan.

## SINEMA RABU @ CMTHub

HALAMAN

04

Bicara Filem:  
Dr. Syahrul Fithri  
Musa

08

Jurnal Sinema  
Rabu

11

Kiriman ulasan  
filem

13

Ulasan Filem  
(Apa Kata  
Mereka?)

16

Transkrip  
Diskusi &  
Wacana Filem

44

Jadual Tayangan

45

Koleksi Bacaan

Sorotan Menarik



**THE TERRORIZERS  
(TAIWAN)**



**ADAM  
(MAGHRIBI)**




**THE CLAY BIRD  
(BANGLADESH)**

# BICARA FILEM

Di sebuah ruang yang sederhana tetapi sarat dengan pertembungan intelektual, Sinema Rabu @ CMTHub kembali lagi dengan tiga naskah yang, walaupun berakar dari geografi dan konteks sejarah berbeza, berkongsi sifat menongkah naratif yang biasa. *The Terrorizers* (Edward Yang, 1986) dari Taiwan, *Adam* (Maryam Touzani, 2019) dari Maghribi, dan *The Clay Bird* (Tareque Masud, 2002) dari Bangladesh, hadir sebagai tiga 'jendela', bukan sahaja ke dalam kehidupan watak-wataknya, tetapi ke dalam lanskap sosial, politik, dan psikologi yang membentuk mereka.

Menariknya, edisi kali ini turut mempertemukan khalayak yang pelbagai: pelajar pascasiswazah, serta mahasiswa dari institusi luar seperti Universiti Malaya. Gabungan ini mencipta sebuah ekosistem wacana yang segar, di mana pandangan anak muda bertembung dengan bacaan kritis yang lebih berlapis, dan di mana filem bukan lagi hanya sebuah tontonan, tetapi medan pertarungan idea.



**PENULIS  
DR SYAHRUL FITHRI MUSA**



# THE TERRORIZERS

Filem ini mencipta estetika tanpa kasih, tentang atmosfera kota yang menyerang manusia dalam kesunyiannya.

Edward Yang, pelopor gerakan *Taiwanese New Cinema*, merangkai *The Terrorizers* bukan dalam bentuk linier biasa, tetapi sebagai 'puzzle naratif' yang memecah masa dan perspektif, menarik penonton ke dalam labirin cerita yang saling tergantung dan sukar dibaca secara cepat. Fredric Jameson menyifatkan filem ini sebagai 'postmodern film' yang mengutamakan kesenangan mengatur semula pelbagai hubungan watak, ruang, dan genre, membentuk naratif yang lebih daripada sekadar jalan cerita yang mudah diikuti.



Edward Yang seperti menempatkan watak-wataknya dalam bingkai-bingkai kota yang tampak seperti terperangkap dengan tirai, bar, dan struktur arkitektural yang mengepung mereka secara visual, menandakan kekangan yang lebih daripada sekadar ruang malah menandakan isolasi psikologis. Ia juga adalah tafsiran tentang *urban malaise* dan *toxic masculinity*, di mana tokoh-tokohnya berjuang mempertahankan identiti mereka di tengah tekanan sosial dan peranan patriarki yang rapuh.

Walaupun jalan cerita berbeza antara jurugambar, novelis perempuan, dan doktor namun semuanya tertanam dalam kota Taipei. Kita menyaksikan bagaimana setiap watak sebenarnya terasing, walaupun waktu dan tempat mereka bertindih. Fragmentasi naratif ini bukan melainkan cerminan bagaimana *urban modernity* mencipta ruang terpisah dalam satu dunia yang sama.

Edward Yang tidak merangkai *The Terrorizers* sebagai cerita, tetapi sebagai teka-teki, di mana ujungnya tidak diberitahu, tetapi dirasakan. Naratifnya seolah satu keberanian untuk memecah struktur tradisional demi membuka ruang ketidakpastian, ketegangan, dan pertanyaan. Kota Taipei bukan hanya latar; ia adalah watak utama sebagai sebuah metropolis yang mendesing, sinis, meremukkan nilai-nilai solidariti satu sama lain.

Filem ini mencipta estetika tanpa kasih, tentang atmosfera kota yang menyerang manusia dalam kesunyiannya. Filem ini juga dilihat sebagai satu kritikan estetika terhadap *urban modernity*, di mana kota membentuk mentaliti terasing, dan estetika menjadi senjata seperti jendela yang tidak lagi cermin untuk dapat melihat keindahan luar, tetapi penghalang.

# ADAM

Filem ini diilhamkan dari peristiwa benar: Maryam Touzani mengenang seorang wanita hamil luar nikah yang dijaga oleh keluarganya ketika masa genting. Touzani yang menyaksikan bagaimana naluri keibuan, bermain dengan emosi mencabar dalam konflik penerimaan anak yang dikandungnya, lantas momen itu menggoncang jiwanya dan menjadi benih cerita dalam Adam.

Maryam Touzani memilih untuk memperlihatkan kehangatan solidariti perempuan, bukan melalui kata, tetapi melalui keheningan yang mengalir, gestur dan rutin harian. Ia adalah kisah bagaimana seorang wanita berimpati dan menemani seorang wanita yang lain dan menekankan maknanya dalam wacana patriarki Maghribi, sekaligus menandakan pentingnya filem sebagai ruang dialog sosial.


Melalui kisah Samia (wanita hamil luar nikah) dan Abla (ibu tunggal pengusaha roti), Touzani membawa kita menelusuri tekanan "kehidupan dengan kehormatan" di dalam masyarakat Maghribi, di mana kehamilan di luar pernikahan adalah aib yang boleh menjerat hukum. Ia menyoroti representasi 'single motherhood' dalam persepsi sosial yang marginal, sambil mengangkat tema solidariti sebagai benih perlawanan terhadap pengucilan budaya dan agama. Adam mencapai kejayaan kritikal dan mendapat perhatian yang tinggi di Festival de Cannes dalam kategori Un Certain Regard, juga diangkat sebagai pencalonan filem antarabangsa Morocco untuk Oscar 2020, dan memenangi Roger Ebert Award di Chicago International Film Festival. Karya filem '*a love letter to motherhood*' seperti yang diperkatakan oleh ay Weissberg dari Variety ini, menyoroti penggunaan *close-up* dan kontras cahaya dalam rumah Abla sebagai kekuatan visual yang menjadikan dapur sebagai saksi cinta, pengasingan, dan kebangkitan kaum ibu. Solidariti antara dua perempuan ini tidak bersuara namun melonjak dalam gerak gestur seperti sentuhan tangan, menguli doh, dan melihat diri di cermin setelah kehilangan. Maryam Touzani menyampaikan bahawa menampilkan latar tersembunyi Samia (apakah paksaan atau konsensual) bukanlah soal mencipta drama, tetapi menolak penghakiman. Filem ini menulis ulang naratif patriarki melalui lirikan rohani, dengan kamera sebagai mata yang sabar, ia membuka ruang dialog dan menulis ulang kesetaraan dalam sikap penuh belas dan keberanian diam.

Adam mengajarkan kita bahawa solidariti feminis tidak selalu perlu suara yang menggelegar atau simbolisme besar. Kadang-kadang, cukup dengan membiarkan cahaya masuk ke rumah yang hampir padam, atau membuka pintu kepada yang lain walau hati bergetar. Dalam bahasa estetika sinematik, film ini menulis ulang makna 'keluarga': bukan dari darah daging, tetapi yang disatukan oleh luka, harapan, dan hati yang membuka.



# THE CLAY BIRD

Di Bangladesh awal dekad 1970-an, di tengah-tengah riak besar politik yang menggelegak, *The Clay Bird* karya Tareque Masud membentangkan sebuah kisah yang pada zahirnya kecil, namun di dalamnya terbenam denyut zaman yang penuh pertentangan. Filem ini mengikut jejak langkah Anu, seorang anak lelaki yang dihantar ke madrasah oleh ayahnya iaitu seorang lelaki yang teguh dalam kefahaman agama, hampir keras dalam pendirian, dan percaya bahawa hanya satu jalan yang benar. Di mata ayahnya, dunia di luar tembok madrasah itu adalah sumber fitnah dan keruntuhan moral. Tetapi di mata ibunya, anak itu masih seorang kanak-kanak yang harus mengenal dunia dengan segala kompleksitinya.



Masud memilih untuk tidak membina naratif yang lantang menghukum mana-mana pihak. Sebaliknya, beliau memperlihatkan dunia dalam rona yang berlapis-lapis, di mana kepercayaan, sejarah, dan hubungan manusia saling bersilang, kadang melengkapi, kadang memusnahkan. Latar besar filem ini adalah ketegangan politik yang semakin memuncak antara ideologi Islamis dan gerakan nasionalis sekular, suatu pergelutan yang bukan sahaja memecahkan negara, tetapi juga memecah-belahkan keluarga. Perang Pembebasan Bangladesh bukan sekadar kekacauan di luar skrin; ia menyusup ke ruang makan, ke bilik tidur, dan ke hati setiap watak.

Simbol 'burung tanah liat' yang menjadi judul filem ini bukan sekadar perhiasan budaya. Ia adalah metafora yang halus tentang manusia, dibentuk oleh tangan kuasa, tradisi, dan kepercayaan, namun rapuh, mudah pecah jika dijatuhkan. Dalam tangan seorang tukang, tanah liat itu boleh menjadi apa sahaja: sebuah mainan, sebuah pasu, atau sebuah patung sembahyang. Tetapi tangan yang sama juga boleh menghancurkannya, sama ada kerana marah, takut, atau percaya ia tidak lagi suci.

Sinematografinya mengalir dengan ritma yang tidak tergesa-gesa. Masud membiarkan kamera menangkap denyut kehidupan desa, sungai yang mengalir tenang, pohon yang berdiri teguh, wajah-wajah yang menyimpan rahsia. Kontras antara keindahan alam dan keganasan sejarah yang menghampiri mengingatkan kita bahawa bumi dan sungai tetap wujud, walaupun manusia memilih untuk saling menumpahkan darah.

*The Clay Bird* tidak sekadar mengisahkan seorang budak yang membesar di tengah pergolakan politik. Ia adalah renungan tentang bagaimana kepercayaan, apabila dipegang tanpa ruang untuk keraguan, boleh menutup pintu kepada kemanusiaan. Dan pada masa yang sama, ia adalah seruan agar kita melihat dunia bukan dalam hitam-putih yang kaku, tetapi dalam warna-warna yang tidak selalu kita mahu akui kerana di situlah letaknya kebenaran yang paling sukar diterima.

# Jurnal SINEMA RABU

oleh : SITI NURUL NAJWA BINTI SHAHIDAN

## BUDAYA FILEM DI CMTHUB

Program Tayangan Filem Secara Berkala "Sinema Rabu @ CMTHub" **The Terrorizers** ini merupakan tayangan di bawah salah satu program rutin CMTHub yang diadakan setiap dua minggu sekali pada hari Rabu. Program ini bertujuan untuk mendorong budaya keserjanaan melalui diskusi filem di samping mewujudkan ruang perbincangan yang kritis di antara komuniti akademik, mahasiswa dan orang awam dalam usaha menghargai seni filem. Aktiviti yang dijalankan ialah tayangan filem terpilih dan dilanjutkan dengan slot bual bicara filem. Program ini telah berlangsung di Ruang Media Kreatif dan Teknologi, Hab Media Kreatif dan Teknologi (CMTHub), Kolej Pengajian Seni Kreatif pada 7 Ogos 2024.

Program ini telah melibatkan sebanyak 15 orang warga Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) dan CMTHub. Filem **The Terrorizers** yang ditayangkan merupakan salah satu filem terbaik pilihan moderator program, Dr. Norman Yusoff merangkap Pensyarah Kanan, Pengajian, Seni Digital dan Imejan.



### SESI DISKUSI FILEM SELEPAS MENONTON

Dalam pada itu, selepas penayangan filem telah diadakan slot sesi bual bicara filem bagi mengupas apa yang diperolehi dapatan daripada filem tersebut. Jam latihan bagi program ini turut disediakan untuk semua staf UiTM yang hadir.




### SESI TAYANGAN FILEM

Secara keseluruhan, program ini telah berjalan dengan lancar berkat bantuan dan kerjasama daripada pihak penganjur serta sokongan pensyarah dan staf KPSK. Sesi diskusi yang dijalankan oleh para akademik selepas tayangan filem **The Terrorizers** berjaya membuka ruang untuk perkongsian ilmu, pendapat, dan pengalaman daripada penonton.

# Jurnal SINEMA RABU

oleh : NUR ADILA HANANI BINTI AZMAN



## KEIBUAN, PENGORBANAN, DAN HARAPAN DALAM ADAM

Maryam Youzani | 2019 | Maghribi | 98 minit

Pada 21 Ogos 2024 lalu telah berlangsung sebuah tayangan filem yang diberi tajuk "Adam". Adam ialah sebuah filem Maghribi pada tahun 2019, arahan Maryam Touzani. Ia telah ditayangkan di bahagian Un Certain Regard di Festival Film Cannes 2019. Ia telah dipilih sebagai penyertaan Maghribi untuk Filem Cereka Antarabangsa Terbaik di Anugerah Akademi ke-92, tetapi ia tidak dicalonkan. Filem Adam mengisahkan perjalanan dua wanita, Abla dan Samia, yang bertemu secara tidak sengaja di Casablanca. Abla, seorang ibu tunggal yang kehilangan suaminya, menjalani kehidupan yang sederhana bersama anak perempuannya, Warda, dengan menguruskan sebuah kedai roti kecil. Samia, seorang wanita muda yang hamil di luar nikah, sedang mencari perlindungan dan peluang untuk memulakan hidup baru. Bimbang akan pandangan masyarakat terhadapnya, Abla enggan membantu Samia. Namun begitu, setelah melihat keadaan gadis itu, Abla membenarkannya untuk tinggal buat sementara waktu menyebabkan ubungan yang awalnya tegang kian berubah menjadi tulus. Mereka saling menyembuhkan luka emosi masing-masing dan Abla membuka hatinya semula, manakala Samia pula menemui harapan terhadap masa hadapannya.

Program ini bertujuan untuk mendorong budaya keserjanaan melalui diskusi filem di samping mewujudkan ruang perbincangan yang kritis di antara komuniti akademik, mahasiswa dan orang awam dalam usaha menghargai seni filem. Aktiviti yang dijalankan ialah tayangan filem terpilih dan dilanjutkan dengan slot bual bicara filem. Program ini telah berlangsung di Ruang Media Kreatif dan Teknologi, Hab Media Kreatif dan Teknologi (CMTHub), Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Shah Alam.

Program ini telah melibatkan sebanyak 24 orang warga Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) dan CMTHub. Filem "Adam" yang ditayangkan merupakan salah satu filem terbaik pilihan moderator program, Dr. Norman Yusoff merangkap Pensyarah Kanan, Pengajian, Seni Digital dan Imej.

Secara keseluruhannya, tayangan filem "Adam" telah berjaya dianjurkan tanpa sebarang masalah atau kecelehan. Semua perancangan berjalan seperti yang diharapkan, dan objektif utama yang disasarkan melalui tayangan ini telah berjaya dicapai sepenuhnya. Selain itu, sesi diskusi yang diadakan selepas tayangan juga berlangsung dengan lancar, di mana para penonton berpeluang berkongsi pandangan serta bertukar pendapat dengan bebas dan bermakna.

# Jurnal SINEMA RABU

oleh : AINURFITRIA BINTI OMAR



**THE CLAY BIRD, 2002  
BANGLADESH , 98 MINIT**

Filem ini menceritakan konflik antara seorang ayah yang mahu anaknya mengikut jalan agama yang teguh dan seorang ibu yang berharap anak mereka mendapat pendidikan moden, sementara anak mereka sendiri berusaha mencari jati diri

Anwar, seorang budak lelaki berusia 10 tahun, tinggal di sebuah kampung di Bangladesh pada tahun 1960-an. Dia dibesarkan oleh ayahnya, Haji Alam, seorang ulama yang berpegang teguh pada tradisi agama, dan ibunya, Shahida, yang lebih terbuka kepada perubahan. Ayahnya mahu Anwar belajar agama di madrasah, tetapi ibunya ingin dia mendapat pendidikan moden. Anwar dihantar ke madrasah, di mana dia mula merasa terperangkap antara dunia agama yang ketat dan keinginan untuk mengetahui lebih banyak tentang dunia luar.

Di madrasah, Anwar bertemu dengan Rasel, seorang pemuda yang memperkenalkan pemikiran bebas dan sastera. Anwar mula ragu dengan ajaran agama yang dia pelajari dan bertanya tentang erti hidup dan kebebasan.

## "MENCARI SAYAP DI DUNIA YANG TERBATAS.."

Program Tayangan Filem Secara Berkala "Sinema Rabu @ CMTHub" (The Clay Bird) ini merupakan tayangan di bawah salah satu program rutin CMTHub yang diadakan setiap dua (2) minggu sekali pada hari Rabu. Program ini bertujuan untuk mendorong budaya keserjanaan melalui diskusi filem di samping mewujudkan ruang perbincangan yang kritis di antara komuniti akademik, mahasiswa dan orang awam dalam usaha menghargai seni filem. Aktiviti yang dijalankan ialah tayangan filem terpilih dan dilanjutkan dengan slot bual bicara filem.

Program ini telah berlangsung di Ruang Media Kreatif dan Teknologi, Hab Media Kreatif dan Teknologi (CMTHub), Kolej Pengajian Seni Kreatif pada 11 September 2024.



### THE CLAY BIRD

Seorang kanak-kanak lelaki yang dipaksa bapanya mengikut di madrasah mendapati keluarganya berada di ambang k... Dengan latar kemelut politik di Pakistan Timur yang memb... Perang Kemerdekaan Bangladesh, filem ini menerokai kemerdekaan pada pelbagai tahap, serta hubungan Islam... Turut diperkasakan aspek sinematografi dan persembahan rakyat Bengali berunsurkan kesufian.

... Masud, 2002, Bangladesh, 98 minit)  
... sa Bengali dengan sarikata Inggeris

25



SINEMA RABU @ CMTHub

... DISKUSI DWI-MINGGUAN

... atif dan Digital, CMTHub

11 SEP



Konflik semakin memuncak apabila ayahnya mengetahui tentang hubungan Anwar dengan Rasel dan mengancam untuk menghantar Anwar ke madrasah yang lebih ketat. Anwar terpaksa membuat pilihan antara mengikut jejak ayahnya atau mencari jalan hidup yang lebih bebas.

Selepas peristiwa yang mengorbankan Rasel dalam pergolakan sosial, Anwar memutuskan untuk keluar dari kepompong keluarga dan mencari jalan hidupnya sendiri. Walaupun tahu ada akibat daripada pilihannya, Anwar memilih untuk mengejar impian dan kebebasan.

Tayangan Sinema Rabu kali ini melibatkan sebanyak 21 orang warga Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) dan CMTHub. Filem "The Clay Bird" yang ditayangkan merupakan salah satu filem terbaik pilihan moderator program, Dr. Norman Yusoff merangkap Pensyarah Kanan, Pengajian, Seni Digital dan Imejan. Untuk menonton diskusi dan ulasan-ulasan filem ini anda boleh melayari youtube channel CMTHub UiTM dan jangan lupa subscribe juga ya!



[youtube.com/cmthubuitm](https://youtube.com/cmthubuitm)



# Kiriman Ulasan.



Diulas Oleh :

**NORLELA ISMAIL • KAMPUS PUNCAK PERDANA • 30 OGOS 2024**

*sebuah filem  
indah yang  
mengungkit dan  
menyingkap  
pengalaman  
'hidup saya'*




Filem ADAM arahan Maryam Touzani (2019) adalah sebuah filem indah yang mengungkit dan menyingkap pengalaman 'hidup saya' pada suatu ketika dahulu berkecamuk dihipit dengan segala macam emosi sebagai seorang wanita – sunyi, perit, sakit, benci, keliru, geram dan amarah. Hanya wanita yang empati akan dapat menyelami hati nurani wanita yang ditakdirkan untuk mengharungi perit getir kehidupan sebagai seorang ibu tunggal dan seorang ibu hamil anak luar nikah dalam masyarakat yang sangat prejudis dek tuntutan agama.

Cerita ini mengisahkan dua wanita terperangkap dalam satu ruang yang menjadi saksi pergelutan jiwa dan emosi mereka dalam menangani konflik kehidupan. Tanpa disedari, kedua-dua wanita ini pada hakikatnya memerlukan satu sama lain dan saling melengkapi sehingga pada akhirnya kedua-dua watak-watak ini 'pulihan' daripada 'kesakitan' yang sekian lama membelenggu mereka. Maryam mengaduni jalan cerita dengan penuh 'bersahaja', sarat dengan subteks dan sangat lirikal iaitu beliau memfokuskan kepada pergerakan naratif yang bertertibkan moment-to-moment daripada susunan struktur cerita yang definitif. Pada pandangan saya, stail persembahan ini secara halusnyapun dapat mengintegrasikan nasib dua ibu yang 'melara' dengan menyakinkan. Tambahan pula, stail ini didokongi kuat oleh teknik sinematografi yang naturalistik melalui banyak teknik kamera 'Close-Up' dan 'Medium Close-up'. Secara simboliknya, pengarah ingin menunjukkan urat-urat muka dan tubuh watak-watak yang kelihatan 'tersembul' persis garis-garis perjalanan kehidupan mereka yang bersimpang siur dan penuh liku.

Abla (Lubna Azabal), seorang ibu tunggal kematian suami bertungkus lumus memberikan kehidupan yang terbaik kepada anak perempuannya, Warda. Beliau terpaksa menjual roti demi kelangsungan hidup, namun, tanpa beliau sedari, kelangsungan hidup bukan hanya pada yang lahiriah (roti sebagai makanan utama) tetapi roti itu adalah satu mekanisme untuk beliau bertaut kembali dengan hatinya yang keras dan kosong setelah kematian suaminya. Selain Warda, roti itu juga adalah titik tolak kebahagiaannya. Babak Samia mengajar Abla menguli adonan tepung roti adalah satu babak yang memaparkan bibit-bibit peleraian ke arah satu watak yang lebih transformatif. Roti sebagai alat 'escapism' untuk Abla lebih bertenang 'mengaduni' realiti kehidupan kerana selama ini Abla kelihatan begitu dingin dalam mendepani kehidupan seharian. Beliau berusaha untuk 'menyorokkan' hatinya yang hiba jauh ke dalam sudut sanubari selepas kehilangan suami dicintai. Satu lagi babak yang sangat memukau adalah babak tarian di dapur. Pada awal cerita, Abla telah melarang anaknya Warda untuk mendengar kaset nyanyian artis wanita bernama Warda kerana lagu-lagu tersebut mengingatkan beliau kepada arwah suaminya. Samia menyedari akan hakikat ini dengan sengaja memasang lagu nyanyian Warda ketika mereka berdua di dapur, ini telah membuatkan Abla sangat marah. Samia tidak menghiraukan amarah Abla lantas menarik pinggang beliau untuk menari bersama mengikut alunan melodi lagu tersebut. Abla pada awalnya tidak mahu tetapi Samia dengan keras memaksa beliau untuk terus menari bersamanya, dengan perlahan-lahan Abla mula terbuai dengan alunan lagu Warda lantas secara halus beliau 'membuka' hati beliau untuk menikmati alunan lagu melalui lenggok tariannya yang lebih ringan dan 'terbuka' berbanding dengan keadaan fizikal beliau yang begitu kejug pada awalnya. Transisi halus ini jelas menunjukkan Abla sudah menemui 'jalan keluar' dalam mengatasi konflik dalaman yang terperangkap dalam jiwanya – sunyi, kosong, sedih.






Sementara itu, Samia (Nisrin Erradi ) adalah seorang wanita hamil di luar nikah mengalami tekanan emosi tinggi akibat terbelenggu dengan dosa dan pilihan hidup yang salah. Beliau tidak ada tempat berteduh apatah lagi tempat mengadu, berjauhan dari keluarga adalah jalan yang terbaik untuk beliau mencari peluang kehidupan baharu bersama bayi luar nikah yang dikandungkannya.

Pada satu hari, takdir telah menyatukan Samia dengan Abla, inilah merupakan titik tolak perubahan perjalanan hidup Samia. Pada awalnya, Abla menolak tawaran Samia untuk bekerja dengannya tetapi tidak semena-mena hatinya telah diketuk dengan perasaan belas kasihan apabila melihat keadaan Samia yang sarat mengandung terdampar di luar kedai rotinya. Samia dipanggil masuk ke dalam rumahnya dan ditawarkan kerja di kedai rotinya untuk beberapa hari. Samia bersetuju. Warda, anak perempuan Abla kelihatan begitu teruja dengan kehadiran Samia di rumah tersebut dan mereka menjalinkan persahabatan dengan begitu cepat. Warda digambarkan sebagai seorang kanak-kanak yang ceria, polos serta suci menjadi penyeri rumah serta berperanan untuk menjadi 'orang tengah' antara ibunya dan Samia. Apabila, Samia "dihalau" keluar dari rumah tersebut, perwatakan Warda bertukar secara mendadak, beliau menjadi seorang yang sedih dan pendiam, ini telah merungsingkan Abla. Lantas, Abla mengambil keputusan untuk mencari Samia dan membawa beliau pulang ke rumah. Warda amat teruja dengan keputusan ibunya. Samia bersetuju untuk kembali kepada Abla dan Warda sehinggalah pada satu hari ketika di dapur Samia kesakitan kerana masa untuk beliau melahirkan telah tiba. Pada pandangan saya, babak Samia melahirkan anak bukanlah satu babak yang biasa, ia adalah satu 'moment of truth' dan 'moment of self-acceptance'. Setelah melahirkan Adam, pergelutan emosi Samia telah sampai pada tahap kemuncak, fikiran rasional dan 'moral conscience' beliau bertelagah dengan naluri seorang ibu. 'Moment of truth' dan 'moment of self-acceptance' ini adalah amat 'menyakitkan' buat Samia. Samia menjadi seorang wanita yang sangat 'vulnerable' dan emosi beliau berada pada tahap yang sangat rendah, justeru, beliau seringkali tidak mengendahkan bayinya yang menangis berterusan kerana haus kelaparan serta dahagakan belaian seorang ibu. Samia kelihatan keliru, adakah beliau ingin menyerahkan anaknya pada orang lain untuk dibesarkan atau beliau sendiri yang akan menjaganya, tetapi, beliau tidak sanggup menghadapi tomanan masyarakat terhadapnya. Bisikan-bisikan ini walaupun tidak digambarkan secara literal, ia kelihatan bermain-main di fikiran Samia yang divisualkan melalui teknik kamera 'close up' ketika Samia menangis teresak-esak sambil menekap dengan kuat kepala Adam ke dadanya. Secara tidak sedar, teknik kamera ini seolah-olah 'memukau' saya untuk merasai dilemma yang begitu pedih dan mendalam Samia. Dalam beberapa saat, saya seolah-olah dapat 'menjangkakan' bahawa beliau akan menamatkan riwayat Adam sebagai jalan keluar. Namun, jangkaan saya meleset sama sekali kerana naluri penyayang dan pelindung seorang ibu telah berjaya menguasai Samia pada akhirnya. Adam ditatang dan didakapi dengan penuh kasih sayang, beliau melangkah pergi meninggalkan rumah Abla dan Warda. Pengakhiran cerita yang kabur tetapi penuh dengan harapan jika diperhalusi subteksnya.



**babak Samia melahirkan anak bukanlah satu babak yang biasa, ia adalah satu 'moment of truth' dan 'moment of self-acceptance'**



# ULASAN FILEM

*Apa Kata Mereka?*



**Encik Ibrahim Jamaluddin**  
Pensyarah

1

Kalau kita tengok dari sudut penceritaan itu sendiri kan, yalah kalau ambil ini sebagai satu template untuk kita lihat perbincangan sebagai penceritaan. sudah tentu kita akan banding beza dengan Hollywood, kita biasalah, universal universal so macam ni. Moral akan jadi issue lah di sini sebab moral in doubt from hero dengan antihero. So, ini satu lagi yang kita boleh letak perbincangan sebab siapa kita nak ikut, watak mana daripada awal kita kat tahu siapa kan?



**THE TERRORIZERS**

Ya, saya bukannya sangat familiar dengan filem-filem Taiwan. Cumanya and again bila menonton setiap kali pun saya pakai perspektif seorang writer lah sebab saya tengok skripnya, tapi tulah it's amazing macam mana 3 perspektif ceritakan, dia intertwine jadi something connecting. Saya rasa macam wow berapa bulan mereka sit down dan fikirkan plot cerita ni dan kalau experience menontonnya pulak, saya enjoy the soundscape...

2




**Madam Noor Zahara Suryani**  
Pensyarah



**Adam**  
Pelajar Pascasiswazah

3

Saya suka sebab apa watak pekerjaan tu dia membezakan bagaimana mereka melihat hidup kan. Macam yang suami tu kenapa dia macam tu, saya rasa sebab dia daripada saiz lah. Dia tunjuk saya tahu, bukan sebab daripada saiz tapi dalam film ni ada yang pilih macam tu lah kan, sebab yang isteri dia writers. Yang photographer tu, yelah dia photographer lah walaupun amateur ke apa kan. Tapi cara dia orang melihat hidup tu berbeza, lebih nak bebas ke apa kan, tapi yang suami ni dia datang daripada sains, lepastu tengok career, semua kan.



# ULASAN FILEM

*Apa Kata Mereka?*



Dalam keadaan wanita yang normal pun bila dia lepas bersalin, dia memang ada moment-moment yang orang panggil ada tantrum tu. So benda-benda yang macam tu I think is more on personal and we come to the signifier dah pun. I believe macam mana Si Samia ni nak mengembalikan rasa. So, wanita Si Janda ni sebab sebelum ni dia buat sebagai rutin, dia tak feel. Even dia masak apa semua pun dia tak feel. So, this girl brings back her life, walaupun saya rasa diorang ambil dalam masa 30-40 minit untuk develop mutual trust between two ni and I love the narrative macam mana towards the end kita tak tahu pun suami ni siapa? Siapa perogol dia ke? Ataupun dia having a sex. Kita tak tahu, kita dibiarkan terkotang-kanting but towards the end they have to choose their life.

**PUAN MASTURA MUHAMMAD**  
Pensyarah

**ADAM**




Saya rasa tak ada apa-apa okay je kot. Cerita ni nice lah, Kalau dilihat dari perspektif seperti belah arab timur. Second, dari segi dia punya camera short, dia punya sentuhan graphic, dia very very tight. Dia macam bila kita tengok ni shot shot awal ni memang tight sungguh kan. Kita nak focus, kita nak perangkap audience tu terus kepada jump kepada character dan reaction, emosi watak tu. memang yang tadi tu sembang memang focus pada watak.

**MOHD RAIMI**  
Pelajar  
Universiti Malaya



**DR. SANGHAMITRA DALAL**  
Pensyarah

I don't know but for me this film I think goes beyond female bonding of food or whatever you are trying to say. I think, its just for me, I think this film trying to, it's just a big so recommendary as well, Because of the standout feature, make me, strikes me the most, is when Samia comments that very few things belong to us. And I think that is what the director is trying to imply, where these two protagonists transcend beyond this protagonist and become more universal and generalized. And they are trying to comment that how women have to fight physically, mentally, emotionally, everything by themselves. No one is going to side with them. No people, not a man. And man means I'm not saying in the gender sense. I'm saying no person, not the society, not anybody. They have to fight everything without a person.



# ULASAN FILEM

Apa Kata Mereka?

## THE CLAY BIRD



Padahal yang seloka itu yang dua tu sebenarnya dia nak mengimbangkan lelaki dengan perempuan sebab dekat situ dah ada satu provokasi lah, bahawa wanita ni tak sama taraf dengan lelaki, benda tu pun dah nampak, filem ni banyak sangat syaratnya yang nak tersimpul atau ucapan yang dia nak sampaikan, antara Anu dan rakan dia, itu satu benda yang lain, antara ayah dengan adik, satu perkara yang lain, mak dengan ayah dia tadi satu benda yang lain, pembawa sampan dengan orang yang jaga anak-anak dekat madrasah pun satu benda yang lain.

**Pn. Duratul Ain Dorothy  
Jonathan Linggang**  
*Pensyarah*



The practice of our Islam, I think very different from Malaysia. That is portrayed in the scenario. And our actual style is also different from here. And what can I say? The actual village, actually it is based on the rural area, not the city. So rural scenario, rural village style, rural people style, the living style, the culture have been portrait here, very good condition. Lastly, the cinema has ended with tragedy actually.

**Monirul Islam**  
*Pelajar Pascasiswazah*



Saya nak tambah sedikit yang berkaitan dengan pencarian kebenaran kan, antara radikal dan sebagainya. Bagi saya, kita ada berbagai aliran pemikiran dan kelompok kan, termasuk dalam Islam sekali. Ada orang yang Islam dia berfikir sehingga tahap mistik, sufi, secara berlebihan. Tetapi bagi saya, adalah lebih baik kalau kita mengambil sebagai Islamis yang moderate lah. Kita ambil yang sederhana. bagi saya, saya mempraktikkan berfikir secara sederhana lah.

**Hanis Hamidi**  
*Pelajar Pascasiswazah*



TRANSKRIP

# Diskusi & Wacana Filem

TRANSKRIP DISKUSI FILEM **THE TERRORIZERS** SINEMA RABU@CMTHUB 7 OGOS 2024

OLEH : MUHAMMAD ADAM HAIKAL MOHD AZLAN

Dr. Norman Yusoff

Ya, itu dia tadi "The Terrorizers" ya filem Taiwan. Lama dah filem ni 1986, arahan Edward Yang. Edward Yang inilah author sinema Taiwan. Beliau meninggal dunia pada tahun 2007, akibat barah, 2001 filem terakhir beliau "Yi Yi", antara filem terbaik beliau jugadan juga mendapat perhatian di Cannes Film Festival dan juga pengarah terbaik. Dan filem ini bukanlah dianggap sebagai filem terbaik beliau. Filem terbaik beliau antara ada dua yang sering diangkat dan disebut iaitu "Brighter Summer Day" 1991, empat jam durasi dia. Siapa yang minat filem ini boleh tonton "Brighter Summer Day" lah, dan juga "Yi Yi", 2001. Dan Edward Yang ni adalah lulusan graduan engineering sebenarnya di Amerika Syarikat dan beliau selepas itu masuk ke sekolah filem di University of Southern California, USC ya, tapi hanya setahun kerana beliau tidak berminat kerana beliau merasakan USC ni sekolah filemnya terlalu berorientasikan industri dan Hollywood jadi dia tak suka Hollywood, dia tak suka industri-industri (ketawa) dan beliau... menarik diri dan menonton filem sambil bekerja sebagai software designer dan menonton banyak filem-filem Eropah dan ini hasilnya lah. Ya, so, "The Terrorizers" ni kalau kita lihat ini agak awal lah dengan multiple narrative strength cerita yang ada beberapa cerita dalam dia yang dihubungkan dari mungkin dalam sinema negara lain sedikit kemudian kebanyakannya muncul di era 90an ataupun selepas millennium baharu tapi dia lebih awal sedikitlah daripada ini jadi agak mendahului zaman itu satu, dan Edward Yang ni sangat terkenal dengan filem-filem yang latarnya menggunakan latar kota atau bandar. Selalunya dia menggunakan Taipei sebagai latar utama filem-filem dia dan selalunya meneroka isu-isu yang berkaitan dengan masalah-masalah yang melengkari manusia-manusia individu-individu di kota Taipei itulah. Disamping itu, membuat pernyataan-pernyataan tentang perubahan yang melanda Taipei, aspek kemodenan, politik Taipei dan juga salah satu yang ketara dalam semua hampir semua filem dia adalah pengaruh Amerika, Amerikanisasi... Taipei di Taiwan kerana hubungan Taiwan dan Amerika Syarikat. Dan itu ah, dan tema-tema dia sering konsisten banyak tentang daripada filem pertama nya, "That Day, on the Beach" sampai "Yi Yi" tentang keterasingan dan juga keterpinggiran manusia... sering ini, sama ada dalam rumah pun mereka terpinggir di luar rumah pun diorang terpinggir, jadi kalau kita lihat tadi agak ketara dan ianya disampaikan secara visual sangat ketara menggunakan ruang bermain dengan ruang-ruang ada special isolation atau special division sama ada kameranya kurang editing kurang edit kan kamera statik dan ini dan tidak ada short reaction, short patterndan juga dalam satu frame itu ada division nampak kan? Watak-watak dia letakkan di ruang-ruang yang terpisah atau yang dipisahkan oleh apa-apa benda yang kita lihat secara visual dan ini saya rasa mencorakkan atau membentuk form dalam filem yang nampak konsisten sebab dia nak memperkatakan tentang betapa apa... terpinggir dan juga terasingnya watak-watak itu. Itu antara tema-tema kegemaran Edward Yang yang sering muncul dalam filem-filem beliau dan filem ini juga mendapat perhatian ramai sebenarnya "Terrorizers" ini, dan termasuk seorang pemikir dari Amerika, pemikir postmodern Fredric Jameson juga telah menulis tentang filem ini. Itu ramai yang terkejut, Fredric Jameson ialah pemikir pasca moden yang sangat terkenal dan beliau gelarkan filem ni sebagai filem pasca moden, as a postmodern film dalam beberapa keadaan dan juga, dakwaan beliau itu juga dikritik oleh sarjana-sarjana sinema China termasuk Chris Berry yang mendakwa Fredric Jameson tak faham apa-apa tentang Taiwan. (ketawa) Boleh baca kalau siapa yang berminat itu persoalan ini dalam dunia akademik lah ya. Ya, cukup ya Dr. Syahrul? Ke saya nak...

Olah lagi sikit kot...

Saya yang tertarik antaranya adalah walaupun banyak penekanan kepada visual tetapi filem-filem dia ada beza sikit yang filem ni seperti Hou Hsiao-hsien pengarah seorang lagi yang dianggap pengarah yang hebat di sinema Taiwan dan sebagainya. Kerana Edward Yang ini, dilihat juga masih menggunakan dialog masih mementingkan dialog, dialog juga agak banyak sebenarnya walaupun ada pemulaan tadi yang kurang dialog dan sebagainya, tapi dialog dalam filemnya sama penting dengan aspek visual ni, dia tak abaikan dialog ataupun meminimumkan dialog. Kalau kita lihat, beberapa filem kita tayang sebelum ini pun di CMTHub, jika diserlahkan aspek visual itu, dialog sangat minimum, ataupun hampir tak ada dialog pada filem Vietnam, siapa yang ingat, siapa yang datang haritu, The Scent of Green Papaya itu kan dialognya sangat sedikit seperti menonton filem bisu. Tapi ini ya, dialog masih penting untuk kita dengar untuk memberi banyak juga maklumat kepada kita dan saya rasa penggunaan ellipsis tahu apa itu ellipsis tau kan ellipsis ni adalah perkara-perkara yang tidak ditunjuk.



Dr. Syahrul Fithri Musa

Dr. Norman Yusoff



Dr. Norman Yusoff

Encik Ibrahim Jamaluddin

Dr. Norman Yusoff

Encik Ibrahim Jamaluddin

Dr. Norman Yusoff

Encik Ibrahim Jamaluddin

Dr. Norman Yusoff

Dr. David Hock Jin Neo

Dr. Norman Yusoff

Dr. David Hock Jin Neo

Jadi ini, memang trademark ataupun style Edward Yang lah dan juga pengarah-pengarah Taiwanese sinema ni termasuk Hou Hsiao-hsien ini jadi mereka gemar menggunakan ellipsis banyak perkara yang tidak ditunjuk dan juga pengakhiran ni juga mengundang banyak tafsiran ya, banyak tafsiran yang boleh dibuat kepada... dia seperti memberi alternatif punya ending tadi kan nampak? dan juga mungkin ada versi yang boleh kita baca sebagai yang muncul dalam fiction si isteri doktor itu dalam novel ataupun cerita fiction yang mungkin yang kita nampak tadi itu salah satunya adalah versi filem. Cerita yang sedang ditulis ataupun yang dibayangkan oleh isteri doktor itu yang mengalami writer's block tu kan tapi ya bergantung ataupun dia hanya dapat macam ada firasat dia tu sort of premonition ataupun firasat tadi ataupun macam mimpi yang dia tahu sesuatu yang telah berlaku kat suaminya pada akhirnya jadi ya (gelak) cukup ya (gelak) saya lebih nak dengar daripada orang lain kan (gelak) berminat... em ya satu lagi apa ya saya lupa apa saya nak kata tadi ya? em... aspek apa ya? Sebelum saya ingat balik mungkin ada yang nak ini... Ya, Encik Ibrahim nampak macam (gelak) menunggu-nunggu je? Silakan Encik Ibrahim.

Mana mic? Terima kasih Dr. Norman. Bahaya betul sebut nama ni kan.

(gelak) Ya, kat sini memang kita sebut nama terus.

Kalau kita tengok dari sudut penceritaan itu sendiri kan em... yalah kalau ambil ini sebagai satu template untuk kita lihat perbincangan sebagai penceritaan. Kita of course kita akan banding beza dengan Hollywood, kita biasalah, universal universal so macam ni. Moral akan jadi issue lah di sini sebab moral in doubt from hero dengan antihero. So, ini satu lagi yang kita boleh letak perbincangan sebab siapa kita nak ikut, watak mana daripada awal kita kat tahu siapa kan? So, approach itu memang kita nampak lah em... macam Dr. Norman kata tadi di luar, dia pun sendiri tak menyukai Hollywood kan?

(mencelah) yeah, background dia.

Nampak sangatlah dengan jelas em... kalau kita bincang dari situ memang panjanglah jadinya akademik, especially hero, antihero, perjalanan, siapa dia ni dan saya rasa dia sengaja untuk tidak reveal semua sekali, kadang-kadang itu ada shot yang dia bagi kemudian dia stop kan? Itupun saya tengok dia ni apa benda yang dia nak bagitahu, sebab saya punya thinking dah biasa dengan setiap imej itu membantu penceritaan. Dia mesti ada mesti ada sebab setiap second, setiap saat, dia tak boleh biar gitu kan? Jadi bila dia beri camtu, dia mengganggu saya punya pemikiran because saya punya cara fikir macam tu. Cuma tak biasanya sayalah bila... itu ditinggalkanlah akan jadi persoalanlah, kenapa? Tapi mungkin itu approach yang dipilih oleh pengarah dan juga saya melihat bila dia bagi dia berikan shot yang minimum itu pun dia tinggalkan sahaja kan? Contohnya dekat tandas dia dengan isteri dia, muka tak nampak isteri dia... jelas. Sengaja dia letak supaya tidak nampak yang seorang lagi itu kan. Itu saya tak tahulah apa dia punya pendekatan itu kan. Saya nampak itu memberi satu saya rasa pengalaman yang kita nak tengok siapa dan apa tindak balas dia kan? sebab-sebab akibat itu kita jelas dalam kita punya pemikiran. Tak diberi memang memang dia jadi satu ah... mengganggu. Itu dari sayalah.

Ya, memang pun Encik Ibrahim dan juga ini menjadi satu daripada style banyak filem dan juga pengaruh saya sebut tadi saya lupa nak sebut nasihat yang saya nak sebut adalah banyak penulisan kaitkan dengan ah... filem "Blow-up" 1967 ya arahan Michelangelo Antonioni pengarah. Itu tadi tu filem British tentang photographer juga, fashion photographer ya yang dia merakamkan yang dia didakwa dia sempat merakam suatu pembunuhan. Jadi itu watak ah... photographer tadi tu memang ada ciri-ciri photographer dalam tapi yang watak ini lebih amaturlah kan? Yes, inspirasi daripada "Blow-up" itulah dan juga sangat yang Encik Ibrahim punya itu memang ini banyak pengaruh daripada European Art cinema kan? yang banyak langgar convention ataupun kelaziman Hollywood termasuk dari segi cerita yang apa memanfaatkan apa sebab dan akibat. Causality itu kan? cause dan effect itu. Ya, itu sangat banyaklah. Jadi ini menjadi trademark ya dan juga em... Taiwan new wave ini juga mereka menggariskan ya manifesto gerakan mereka ini ah... ini adalah salah satu Encik Ibrahim sebut tadi betul tentang aspek morality itu yang kabur dan tak di itu memang itu antara perkara yang digariskan oleh mereka dan mereka nak melawan dan juga nak menyanggah ah... clear-cut punya morality ah... yang seperti di dalam filem-filem Taiwan terdahulu yang sebelum itu. Jadi itu antaranya yang sebenarnya ya. Itu memang betul Encik Ibrahim ya. Terima kasih Encik Ibrahim (gelak) okay ada lagi? yang lain pula? Yes, Dr. David? Do you got something to say?

I well, you know Blow-up was very obviously em... reference and homage. From from the very beginning it is you know, the very first black and white shot, that was the first thing that came to my mind. em... and so the whole idea of your em... I he's played more on sort of like pixelation right? It's like em... that kind of putting the pieces together em... the best thing was the whole portrait of the girl in the house it's like you know eh? em... yeah and how everything kind of comes together in terms of solving the whole or piecing everything together. em... Images of em... even the shot of the wife, of the tv screen and whatnot so. em... So, another one of waves I guess is also sort of like postmodern em... in that sense.

(mencelah) Yeah, so called of postmodern. (gelak)

Which is why Jameson goes on em... or things with such a good example. em... How how out of sort of like the whole Taiwan scene is Edward Yang em... in comparison to all the other films that came out is like you know? I mean Hou Hsiao-Hsien ah... he plays with some of these things as well but then he's not quite as European em... whatever as I think ah... Edward Yang so. (mencelah) Hou Hsiao-Hsien is like em... films em... more focused on em... the working class or the rural, people in the rural areas yeah as compared to Edward Yang lah in very urban and so forth. And of course, Hou Hsiao-Hsien like they influence like more having more eastern influencers to create extent you know like looking at Chinese painting as well as em... Japanese films by Ozu especially like





Dr. David Hock Jin Neo

Dr. Norman Yusoff

Dr. David Hock Jin Neo

Dr. Norman Yusoff

Dr. David Hock Jin Neo

Dr. Norman Yusoff

Dr. David Hock Jin Neo

Dr. Norman Yusoff

Mohd Raimi Jaafar  
(Pelajar)

Dr. Norman Yusoff

Mohd Raimi Jaafar  
(Pelajar)

Dr. Norman Yusoff

Mohd Raimi Jaafar  
(Pelajar)

Dr. Norman Yusoff

Mohd Raimi Jaafar  
(Pelajar)

Dr. David Hock Jin Neo

Mohd Raimi Jaafar  
(Pelajar)

Dr. Norman Yusoff

Madam Noor Zahara  
Suryani

(mencelah) Well I kinda was thinking about Ozu as well.

